

EDITORIAL

The current issue houses five articles that discuss topics in the areas of history, culture, linguistics and literature. The first article is an engaging discussion on the political history of Malaysia and Singapore, in relation to the notion of citizenship. The argument revolves around the political merger of Singapore with Malaysia in the 1960s and the controversy that erupted with regard to the incorporation of Singaporean citizens into the Malaysian political community. Following the ideological clashes over the meaning of citizenship that emerged from the merger, the author argues that “a truly Malaysian citizenship could not be developed – only a Malaysia of citizens”.

The historical theme continues in the second article on the socialist political movement in Malaya. The article argues that there is a misconception in the history of this movement in Malaya which has been likened to the communist political ideology. In this article, the focus is on the influence of the Indonesian Socialist Marxism on the socialist ideology development by the left-wing Malay radical nationalists from 1925 to 1948. The analysis, based on primary sources and the modern political approach, found that the socialist ideological influences developed in two forms, i.e., Socialist Marxism and Reformist Marxism. In its Malayan context, the authors argue that the socialist political movement developed from a radical ideology among the Malay political actors.

The third article in this issue focuses on the traditional healing memorates of the Tahol Murut people of Sabah in Borneo. A memorate is a form of legend, orally passed on from generation to generation, and is “perceived as truth or real by those who uphold such belief”. The analysis of the study suggests that the Murut Tahol people believed in dreams, supernatural beings and certain animals in the healing of spiritual as well as physical afflictions. The community was also adept in the preparation of various types of traditional medicine and the use of *sasampui* (a type of spell) in physical and spiritual healing which suggests their local wisdom and belief in the efficacy of their inherited healing methods.

The following article is a discussion on the significance of the Arabic preposition *fī* (في). The authors claim that despite the existing literature on the preposition, there is a need to investigate the use of *fī* with abstract concepts, emotions and states in the Quran to investigate its functional semantic complexity from a cognitive perspective. The analysis suggests that the container image schema is at work both in the literal as well metaphoric use of the spatial preposition *fī*. Nonetheless, the preposition possesses its own distinct semantic argument in each context, and in some cases overriding “the symmetry of container image schema”.

The final article in this issue discusses the symbolism of *devarāja* (god-king) in Malay literature between the 7th and 14th century when Hinduism and Buddhism significantly influenced the Malay world. Using primary sources such as *Hikayat Banjar*, *Hikayat Parang Puting*, *Hikayat Sang Boma*, *Hikayat Panji Semirang* and *Hikayat Malim Deman*, representing different literary genres from pre-Islamic texts, anecdotes, history, and the literature produced during the religio-transitional period, the study found how different styles of writing used “the symbolism of *devarāja* to emphasise the sovereignty of the Malay rulers”.

Hajar Abdul Rahim
Editor-in-Chief

RENCANA PENGARANG

Isu ini memuatkan lima buah makalah yang membincangkan topik dalam bidang sejarah, budaya, linguistik dan kesusasteraan. Makalah pertama merupakan perbincangan tentang sejarah politik Malaysia dan Singapura yang berkaitan dengan konsep kewarganegaraan. Perbincangan isu ini berkisar di sekitar penggabungan politik Singapura dengan Malaysia pada era 1960-an dan kontroversi yang tercetus akibat kemasukan warganegara Singapura ke dalam komuniti politik Malaysia. Akibat pertembungan ideologi tentang erti kewarganegaraan yang timbul daripada penggabungan tersebut, pengarang menghujahkan bahawa “konsep kewarganegaraan Malaysia yang tulen tidak boleh diperluas – hanya Malaysia yang berwarganegara”.

Tema sejarah dilanjutkan dalam makalah kedua mengenai gerakan politik sosialis di Tanah Melayu. Makalah ini menghujahkan bahawa terdapat salah tanggapan terhadap sejarah gerakan ini di Tanah Melayu yang sering digambarkan mempunyai persamaan dengan fahaman politik komunis. Dalam makalah ini, fokus perbincangan ialah pengaruh Marxisme Sosialis Indonesia terhadap perkembangan ideologi sosialis dalam kalangan nasionalis radikal Melayu berhaluan kiri dari tahun 1925 hingga 1948. Analisis ini, yang berdasarkan sumber primer dan pendekatan politik moden, mendapati bahawa pengaruh ideologi sosialis berkembang dalam dua bentuk, iaitu Marxisme Sosialis dan Marxisme Pembaharuan. Dalam konteks Tanah Melayu, makalah ini menekankan bahawa gerakan politik sosialis berkembang daripada ideologi radikal dalam kalangan ahli politik Melayu.

Makalah ketiga bertumpu kepada memorat perubatan tradisional etnik Murut Tahol di Sabah, Borneo. Memorat merupakan sejenis legenda yang diwarisi secara lisan daripada generasi kepada generasi dan “dipercayai benar oleh pendukungnya”. Analisis kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Murut Tahol mempercayai mimpi, semangat ghaib dan haiwan tertentu dalam mengubati penyakit rohani dan jasmani. Komuniti ini juga arif dalam menyediakan ubat-ubatan tradisional dan menggunakan *sasampui* (sejenis jampi) dalam menyembuhkan jasmani dan rohani. Hal ini menonjolkan kearifan tempatan dan kepercayaan terhadap keberkesanan kaedah perubatan yang diwarisi oleh mereka.

Makalah seterusnya membincangkan kepentingan preposisi *fī* (في) bahasa Arab. Penulis mendakwa bahawa walaupun banyak perbincangan tentang *fī*, namun begitu penggunaannya dengan konsep abstrak, emosi dan keadaan perlu dikaji untuk memahami fungsi kekompleksan semantik dalam Quran dari perspektif kognitif. Analisis kajian tersebut mencadangkan bahawa skema imej pembekas

berfungsi dalam penggunaan preposisi ruang *fī* di peringkat literal dan kiasan. Namun begitu, preposisi *fī* ini memiliki hujah semantikanya yang tersendiri dalam setiap konteks dan dalam sesetengah kes, mengatasi simetri skema imej pembekas tersebut.

Makalah terakhir dalam isu ini membincangkan perlambangan dewa-raja dalam kesusasteraan Melayu antara abad ke-7 hingga ke-14 Masihi. Dengan menggunakan sumber primer seperti *Hikayat Banjar*, *Hikayat Parang Puting*, *Hikayat Sang Boma*, *Hikayat Panji Semirang* dan *Hikayat Malim Deman* yang mewakili genre kesusasteraan yang berbeza daripada teks pra-Islam, anekdot, sejarah dan sastera zaman transisi Hindu-Islam, kajian ini mendapati wujud pelbagai kepengarangan menggunakan perlambangan dewa-raja dalam menyerlahkan kedaulatan raja-raja Melayu.

Hajar Abdul Rahim
Ketua Sidang Pengarang